

## BAB LIMA

### PENUTUP

Menegakkan negara Islam adalah menjadi tujuan utama penubuhan pergerakan-pergerakan Islam di mana sahaja. Penubuhan Pas, PKPIM, ABIM, Dar al-Arqam dan penyebaran dakwah oleh Jamaat Tabligh di negara ini juga menuju kepada matlamat yang sama. Dalam konteks Malaysia , ini adalah tugas yang berat dan mencabar kerana ia adalah amanah dan aspirasi umat Islam dari sebuah negara yang telah melalui proses sekularisasi di peringkat masyarakat, institusi mahupun negara, disamping penularan pembaratan dengan aspek-aspek negatif yang dibawa oleh Inggeris dan masih mempengaruhi masyarakat.

Dalam hal ini kita perlu akur untuk meyakini hakikat bahawa umat Islam di Malaysia sedang menghadapi tantangan-tantangan besar pasca merdeka.<sup>1</sup> Ia bukan sahaja memberi impak kepada kedudukan Islam sebagai "Pan-National Order"<sup>2</sup> tetapi juga turut memberi kesan kepada pergerakan-pergerakan Islam sebagai kumpulan pendekar dan agen perubahan masyarakat (*agents of social change*).<sup>3</sup> Justeru itu

<sup>1</sup> Antaranya yang dikenal pasti akan menggugat akidah ummah ialah Islam dianggap sebagai agama warisan, tidak memahami tasawwur Islam yang komprehensif, tidak memahami sepenuhnya pengertian yang *kulli* tentang *Tauhid Uluhiyyah*, *Rububiyyah* dan *Sifatiyyah*, *Enlightenment's Modernism* dimana agama dipinggirkan dalam urusan kehidupan dunia sementara *sekularisme* dianggap raja dunia, pentafsiran al-Qur'an secara bebas, berkembangnya aliran *Feminisme*, kemunculan aliran pasca moden yang menganjurkan fahaman '*deconstructionism*' dalam pembacaan teks-teks tradisi Islam seperti al-Qur'an, adanya pendokong faham kesatuan agama (*wahdat-ul-adyaan*) yang mempergunakan dialog antara tamadun (*Inter-civilizational dialogue*) sebagai premis untuk mewajarkan fahaman yang mereka dokong kononnya semua agama adalah sama. Lihat Muhammad Nur Manutu, "Islam dan Jiwa Merdeka", *Ucapan Dasar*, Muktamar Sanawi ABIM ke 26, Kuala Lumpur : ABIM, 1997, hal. 8-14.

<sup>2</sup> Hassan al-Turabi, *Islam As A Pan-National Movement And Nation States*, Kuala Lumpur : ABIM, 1992, hal. 23-30

<sup>3</sup> Anis Ahmad, " Islamic Movement as Agents of Social Change" dalam *Islamic Review, News and Views of ABIM*, No. 5/97, Kuala Lumpur : ABIM, April-July 1997, hal. 4-6.

antara yang perlu diberi penekanan yang lebih adalah aspek sosiologikal, intelektual dan idea dengan tidak menafikan pentingnya aspek 'spiritual'.

Sehubungan dengan itu, gerakan Islam yang diperlukan ialah yang peka kepada perkembangan dan mobilasasi sosial, seperti perubahan dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Ini bererti pergerakan Islam perlu berupaya mengikuti dan memahami isu-isu krisis identiti, pergolakan dalam kerajaan, kecenderungan masyarakat, pembahagian kerja dan kadar celik masyarakat. Tanpa memahami faktor-faktor sosiologikal ini, gerakan Islam tidak akan dapat menentukan arah dan strategi pergerakan mereka dengan lancar dan berkesan.

Dalam hal ini, pergerakan Islam di Malasyia harus perihatin dengan '*al-janibu 'ijtima'iyy*' atau dimensi sosial, dengan menganggapnya sebagai sarana dakwah dan tanggungjawab keagamaan, yang tidak terbatas kepada permasalahan tradisi seperti pelacuran, tetapi merangkumi gejala semasa seperti melepak yang begitu menonjol di kalangan generasi muda.

Gerakan Islam mempunyai tanggungjawab sosial merealisasikan '*Takaful ijtimaiyy*' dalam batas yang dimungkinkan oleh keupayaannya. Perintah-perintah agama membela golongan *mustadh'afin* tidak ditujukan hanya kepada golongan pemerintah tetapi kepada seluruh umat, individu dan jamaah. Di sini perkhidmatan sosial itu tidak harus terbatas hanya dalam bentuk bantuan kepada mangsa-mangsa kecelakaan, tetapi harus meliputi keperluan asas (*basic needs*) manusia iaitu makanan, pakaian, perumahan, pendidikan, kesihatan dan perkerjaan. Perkhidmatan sosial harus dijalankan dengan strategi yang bijaksana dan berencana - '*To help the people to help themselves*'.

*themselves*', untuk menolong manusia agar mereka mampu menolong diri mereka sendiri.<sup>4</sup>

Yusuf al-Qardawiy mengkritik sikap golongan yang menolak sama sekali bentuk penyimpangan sosial, kerana ini sama erti dengan penyimpangan dari matlamat pokok pembinaan Negara Islam. Dalam kritiknya, beliau mengemukakan alasan;

- i. Membuat kebajikan sosial adalah tanggungjawab orang Islam dalam hidupnya , seperti yang diperintahkan Allah,  
 "Hai orang-orang yang beriman, ruku'lah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhamu dan perbuatlah kebajikan , supaya kamu mendapat kemenangan".<sup>5</sup>
- ii. Perkhidmatan sosial merupakan satu bentuk dakwah. Ia adalah satu cara yang berkesan untuk memenangi hati masyarakat. Ruang dakwah tidak harus dibataskan hanya pada kegiatan lisan dan tulisan.
- iii. Tidak semua anggota gerakan Islam berkemampuan untuk berdakwah dengan lisan atau tulisan. Bakat dan potensi manusia adalah berbeza-beza dan berbagai-bagai. Setiap orang harus berperanan mengikut kemampuannya. Oleh itu, mereka yang berkeahlilan dalam bidang perkhidmatan sosial harus dimanfaatkan dalam bidang tersebut.
- iv. Kita mempunyai matlamat yang lebih besar, iaitu pembinaan masyarakat dan pemerintahan Islam dan ini tidak seharusnya sampai mengabaikan matlamat sampingan dan keperluan-keperluan segera.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Siddiq Fadhil, "Wacana Haraki" dalam *Angkatan Belia Islam Malaysia : 1971 - 1996*, hal. 93.

<sup>5</sup> Surah al-Hajj, ayat 77

<sup>6</sup> Siddiq Fadhil, *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Senawi ABIM*, Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam, 1989, hal. 180

Gerakan Islam adalah wadah perjuangan bagi menegakkan ideaalisme di tengah-tengah kenyataan kini dan masa depan yang pasti lebih banyak cabarannya. Cabaran untuk gerakan Islam di Malaysia boleh dikatakan lebih berat, selaras dengan realiti masyarakatnya yang dwi-polar, iaitu masyarakat majmuk yang mempunyai dua blok etnik, yang secara demografi dan keagamaan terbahagi dua, dan kekuatannya hampir sama. Ini bertambah rumit, apabila pergerakan-pergerakan Islam di negara ini dalam satu masa harus berhadapan dengan golongan intelligensia dan elit politik yang disokong oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan, golongan cendikiawan di institusi pengajian tinggi, jutawan, kesatuan sekerja dan penduduk bandar. Ertinya proses penghayatan Islam yang diperjuangkan itu, masih jauh untuk dicapai, di samping ia memerlukan acuan sendiri.

Dalam menanggapi kemajmukan masyarakat sebagai realiti ketika ini, maka tidak harus ada anggapan bahawa ia merupakan satu keadaan yang sudah muktamad. Apa yang perlu ialah perasaan optimis bahawa Islam akan terus berkembang dengan melampaui batas-batas ras dan kebudayaan, dan kekuatan Islam pada masa yang akan datang, dapat meruntuhkan jurang yang timbul kesan dari komposisi masyarakat majmuk di negara ini. Dalam keadaan ini, kita harus sanggup menampilkan acuan dan pendekatan sederhana (*moderate*). Ini tidak bererti kaedah radikalisme yang akan ditolak sama sekali, tetapi sebuah gerakan Islam yang matang mesti pandai dan mampu membaca situasi politik yang ada.

Berdasarkan komitmen pihak berkuasa, kecenderungan semasa masyarakat dan tanda-tanda positif ke arah merealisasikan Islam menjelang tibanya abad ke 21, maka boleh diyakini bahawa kegiatan dakwah dan tarbiyah di Malaysia dapat berjalan dengan lebih selesa dalam waktu seterusnya. Atas perhitungan ini, maka pergerakan perlu

sederhana (*moderate*) dalam menuju era yang cemerlang. Sederhana bukan bererti diam, tetapi aktif. Moderat bukan bererti lemah dan mengalah tetapi moderat dalam erti kata berbuat menurut kesanggupan dan keperluan. Pendekatan ini sekaligus akan memberi ruang kepada gerakan-gerakan Islam '*bermuhasabah*' atau menilai diri dan bertindak dengan realiti kekuatan yang ada.

Sejarah Islam telah menunjukkan bahawa meskipun menghadapi keragaman ummah dan masyarakat yang berbeza-beza, seperti Arab, Afrika, Parsi dan Melayu, tetapi Islam terus berkembang, antara lain kerana kelonggaran dalam beberapa pendekatannya yang bukan menyangkut persoalan akidah. Tetapi seperti yang kita ketahui, walaupun ada kelonggaran dan kompromi, tetapi Islam tidak pernah berubah. Dengan itu, pergerakan Islam di Malaysia harus memahami dan mampu membaca ajaran dan pengalaman silam itu, dan tidak menyempitkannya atau mencari penyelesaian kepada masalah yang kompleks dengan pendekatan '*simpлистis*', kerana ini akan menyebabkan gerakan Islam menghadapi risiko yang berat, iaitu kehilangan '*kredibiliti*'.

Sikap sedemikian juga akan mencerminkan kegagalan gerakan Islam melihat variasi dalam proses perubahan. Gerakan Islam seharusnya memperhitungkan institusi kemasyarakatan dan pengalaman sejarah Malaysia, termasuk keragaman budaya dan perbezaan yang menjadi penghalang kepada penerimaan Islam oleh masyarakat majmuk. Dengan kata lain, gerakan Islam di Malaysia mesti dikembangkan berdasarkan pengalaman dan persoalan spesifik yang kita hadapi. Mengimpor atau menciplak model dari tempat lain untuk diterapkan sepenuhnya di negara ini sudah pasti akan menimbulkan masalah-masalah baru. Tetapi, tidak ada salahnya kita belajar dari pengalaman gerakan Islam di tempat lain.

Keperluan kepada gerakan Islam yang mempunyai acuan sendiri yang selari dengan persekitaran tempatan (*al-Manhajul-Maliziy*), tidak harus diabaikan.<sup>7</sup> Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Fazlur Rahman dari Universiti Chicago, Islam mengalami perkembangan pesatnya (*phenomenal growth*), kerana '*inner intensity of life*' yang ada pada Islam. Gerakan Islam di Malaysia mesti menggarap sepenuhnya '*inner intensity of life*' itu bagi memberi jawaban kepada idea-idea yang tidak diingini seperti individualisme, materialisme, kebebasan seks dan politik kotor.<sup>8</sup>

Sesungguhnya, menjadi tanggungjawab ummah, terutamanya pertubuhan-pertubuhan Islam untuk memberi perhatian kepada masa depan Islam, termasuk dengan memperhitungkan '*kekuatan dalamannya*'. Tetapi, kenyataan yang masih menimbulkan tanda tanya hingga sekarang ialah masyarakat Islam dengan jelas memperlihatkan kelemahan mereka dari segi matlamat hidup. Ketika menyentuh fenomena ini, Ziauddin Sardar memberi dua sebab utama mengapa perkara ini terjadi,

"Sebahagian besar daripada kesan peninggalan penjajah dan kadar perubahan masa kini tidak membentarkan mereka merancang masa hadapan Islam yang lebih cemerlang".<sup>9</sup>

<sup>7</sup> Dalam konteks ABIM, ini adalah kaedah yang berdasarkan pengalaman perjuangan ABIM. Menurut pencetus konsep ini iaitu Mantan Ppresidean ABIM ke 3, Dr. Siddiq Fadhil, ia bererti ABIM mempertahankan model gerakan Islam yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri yang beroperasi dalam lingkungannya yang serba unik tanpa menjadi salinan karbon kepada mana-mana gerakan Islam di dunia. ABIM beroperasi dalam lingkungan alam Melayu dan sudah semestinya cabaran yang dihadapi berbeza dengan di tempat lain dan memerlukan formula yang mampu menghadapi cabaran dalam lingkungannya. Teras kegiatan bagi strategi umumnya meliputi 3 perkara iaitu kepimpinan antarabangsa model pembangunan sosial dan penggerak politik pmersatu. Bagaimanapun ini tidak bertujuan menafikan manhaj Rasulullah SAW. Lihat Ahmad Azam Abd. Rahman, *Manhaj Maliziy* dan lain-lain, dalam *ABIM 1971-1997*, Kuala Lumpur : ABIM, 1996, hal. 79.

<sup>8</sup> Mohd Nor Nawawi, *Gerakan Islam di Malaysia, Kertas kerja Seminar Gerakan Islam DI Dunia Melayu*, sempena Muktamar Sanawi ABIM ke 15 , di UIA, P. Jaya pada 15-16 Dis. 1986, hal. 6. Lihat juga *Berita Harian*, 5 Januari 1987.

<sup>9</sup> Ziauddin Sardar, *Masa Hadapan Islam Bentuk Idea Yang Akan Datang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hal. 5

Dalam usaha melepaskan diri daripada belenggu pengaruh Tamadun Barat itu, maka menjadi tanggungjawab pergerakan Islam untuk menampilkan jalan keluar dengan pendirian bahawa ia harus dihadapi dengan prinsip yang kritis, sikap yang selektif, memanfaatkan kebaikannya, menghindari keburukannya dan membangunnya semula dengan acuan Islam. Dengan ini akan berakhirlah zaman kebingungan mencari formula penyelesaian terhadap masalah yang timbul, terutamanya akibat pengaruh serangan budaya dan tamadun materialisme Barat.

Dalam konteks antarabangsa, hakikat yang harus turut dihadapi adalah kesan kecenderungan Barat untuk mencabar maruah umat Islam, termasuk usaha-usaha memecahkan kesatuan mereka dan melaksanakan penjajahan dalam bentuk baru (*neo-kolonialisme*). Misalnya, campurtangan dilakukan melalui media massa, sehingga akibatnya tidak membenarkan umat Islam untuk merancang masa hadapannya yang lebih cemerlang. Hakikat sejarah telah membuktikan bahawa Barat memang tidak pernah senang melihat pengaruh Islam berkembang. Ini mungkin kerana ia adalah agama yang bersifat *global* dan mampu menyingkirkan pengaruh Barat. Ertinya Islam boleh tersebar ke seluruh penjuru dunia, di mana orang Amerika boleh menjadi pemeluk Islam, begitu juga dengan rakyat Russia atau Eropah. Tetapi hal yang sama tidak berlaku kalau misalnya Jepun berjaya meluaskan kuasanya. Orang Amerika pasti tidak mungkin akan menjadi orang Jepun. Kebimbangan terhadap hakikat inilah menyebabkan Barat kerap kali mengambil sikap memusuhi Islam dan umatnya.

Lantaran itulah pelbagai percubaan telah dilakukan oleh Barat, terutamanya bagi menghindarkan dominasi Islam. Ini antara lain didorong oleh sikap '*prejudice*' dan '*jealousy*' bukan sahaja terhadap *universalisme* Islam, tetapi juga kepada negara-negara yang majoriti penduduknya beragama Islam;

"Some western government leaders are also obviously concerned that Islam in South-East Asia might follow the radical path it has taken in countries such as Libya and Iran".<sup>10</sup>

Pada abad ke-20 ini, kita menyaksikan kesengsaraan dan kemelaratan hidup umat Islam di mana-mana sahaja. Islam telah dijadikan mangsa ketika Barat dan simpatisannya menelaah kedudukan dunia pada masa hadapan. Misalnya, bekas Presiden Amerika, Richard Nixon telah mengajak pembuat-pembuat dasar Amerika supaya melihat Islam bukan sahaja sebagai suatu agama, tetapi adalah suatu tamadun besar yang sedang mulai beraksi di pentas dunia.<sup>11</sup>

Selain itu dikebanyakannya negara, mereka menggunakan kumpulan atau rejim tertentu bagi menghancurkan dominasi Islam. Ini termasuklah kegiatan memfitnahkan ulamak, memperalatkan orang-orang agama yang naif dan 'opportunist', termasuk menekan dan menyingkir mereka yang berwibawa. Biasanya usaha-usaha seperti ini akan berjaya, memandangkan umat Islam sudah sekian lama dibelenggu oleh kelemahan tertentu, dan kegagalan pergerakan Islam untuk memainkan peranan seperti yang sepatutnya;

"Gerakan-gerakan itu cuma memahami ajaran-ajaran dari Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW secara pengertian yang terlalu sempit dan statik. Mereka juga mempercayai bahawa jika umat Islam semata-mata mengikut apa yang dilakukan oleh nenek moyang mereka pada akhir abad ke 7, maka mereka akan mendapat semula kedudukan yang sebenar di sisi Allah, iaitu di dunia dan akhirat".<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup>John Funston, "The Politics of Resurgent Islam in Malaysia : Work In Progress", Kertas Seminar Department of International Relations, Research School of Pacific Studies, The Australian National University , 7 Feb. 1979.

<sup>11</sup> Muhammad Nur Manutu, "Persembungan Tamadun : Agenda Umat", Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke 22, pada 22-29 Ogos 1993 di Dewan Hang Jebat Pusat Eksspo Air Keroh, Melaka, hal. 5.

<sup>12</sup> Fazlur Rahman, *Islamic Methodology in History*, Karachi : Central Institute of Islamic Research, 1965, hal. 142 - 144

Bagi menghadapi cabaran yang besar itu, maka tidak ada pilihan kecuali umat Islam harus menjadi bangsa yang berilmu dan mampu menyelesaikan kemelut masyarakat secara amali. Perjuangan Islam tidak mungkin akan tegak di tangan orang-orang yang jahil. Begitu juga perjuangan Islam tidak akan dijayakan di tengah-tengah kelesuan cendikiawan atau dalam suasana '*intellectual decadence*'.

Kita tahu bahawa kemunculan Islam sebagai tamadun gemilang sehingga berjaya menakluki hampir sepertiga dunia adalah bermula daripada perkembangan ilmu. Umat Islam pada zaman kegemilangan Baghdad, Cordova dan Toledo menggunakan ilmu yang diwahyukan untuk meningkatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan. Fikiran mereka sentiasa terbuka luas kepada pelbagai ilmu dari luar dunia Islam.

Ketika itu, karya-karya dari tamadun Greek dikaji, dianalisa dan dibahas. Apa yang baik diterima, sementara yang buruk ditolak. Hasil kegigihan itu, umat Islam berjaya muncul sebagai pemikir agung. Dalam konteks pemikir Islam, bukti sejarah turut menunjukkan bahawa seorang perawi Hadis seperti Abu Muslim terpaksa merantau ke seluruh wilayah Islam untuk mengkaji kesahihan sebuah hadis. Malangnya, umat Islam pada zaman mutakhir ini hanya berpegang pada hadis yang diriwayatkan sahaja, tetapi tidak mengambil iktibar dari kegigihan dan ketekunannya membuat kajian dan penyelidikan.

Ini adalah antara tanggungjawab dan cabaran utama yang perlu ditangani oleh Pergerakan-pergerakan Islam, termasuk di negara ini. Bagi melaksanakan amanah itu, tidak ada senjata yang paling ampuh, selain menyuburkan *fikrah Islamiyyah* dan *aqliah Muslimah* dalam bimbingan dan orientasi *Ulum Islamiyyah*. Seterusnya, hakikat tersebut harus menyedarkan kita tentang keperluan Islamisasi ilmu, pengolahan semula tamadun ilmu-ilmu masa kini dalam acuan perundangan Islam. Sesungguhnya, Islamisasi ilmu

adalah suatu projek besar yang hanya dapat digarap dengan tenaga kesarjanaan kaliber besar. Dalam hubungan ini, gerakan Islam harus ikut berperanan dengan mempertingkatkan apresiasi ilmu dan menambah program-program yang bersifat keilmuan, menggembeling tenaga cendikiawan muslim demi membangun semula keunggulan tradisi intelektualisme Islam.<sup>13</sup>

Memang tidak dapat dinafikan, menjelang pertengahan dekad 80-an, PAS, ABIM dan Al-Arqam mulai mengambil peranan yang aktif dalam orientasi tarbiyah ke arah kesepadan ilmu. Langkah itu adalah wajar dengan tujuan pendidikan dalam konteks gerakan Islam, iaitu untuk membina generasi mujahid dan membina ummah yang komited. Tetapi setakat itu sahaja juga tidaklah memadai, kerana penekanan yang lebih harus diberi kepada 'al-Janibu 'l-imaniyy' (aspek pembinaan iman) menerusi ketekunan beribadat (*tanassuk wa taqarrub*) - mendekati Allah dengan menegakkan syiar-syiarnya. Pendidikan (*tarbiyah*) dalam konteks harakah juga harus menyeluruh, iaitu mencakupi aspek-aspek rohani, jasmani dan akli serta menggenapi segala bidang - politik, sosial, jihad dan lain-lain.<sup>14</sup>

Perlu disebutkan bahawa ciri-ciri yang membezakan Islam dari agama, falsafah dan ideologi-ideologi yang dikenali oleh manusia ialah ciri 'asy-syumul' atau kemenyeluruhan dengan segala pembawaan maknanya yang merangkumi dan meliputi segala-galanya.<sup>15</sup> Keistimewaan ini sebenarnya telah selari dengan hala tuju dan maksud penubuhan gerakan-gerakan Islam;

---

<sup>13</sup> Siddiq Fadhil, *op. cit.*, 1996, hal. 92.

<sup>14</sup> Siddiq Fadhil, *op. cit.*, 1989, hal. 16.

<sup>15</sup> Muhammad Yusuf Qardhawi, *Islam Dakwah Yang Syumul*, Kuala Lumpur : ABIM, 1983, hal. 3

"The aim of Islamic Movement is to bring about somewhere in the world a new society wholeheartedly committed to the teachings of Islam in their totality and striving to abide by those teachings in its government, its political, economic and social organization, its relation with other states, its educational system and moral values and all other aspects of its way of life".<sup>16</sup>

Dalam hal ini, tanggungjawab tersebut perlu dilaksanakan dengan tulus, kerana inilah kehendak Ilahi;

"Dan ajaklah (umat manusia) ke jalan TuhanMu, kerana sesungguhnya kamu benar-benar berada di atas petunjuk yang lurus".<sup>17</sup>

Sikap tidak menyuruh melakukan kebaikan dan tidak mencegah dari yang mungkar akan menyebabkan kemurkaan Allah, turunnya azab, permohonan hamba Allah akan ditolak, pertolongan Allah akan ditahan dan diakhirat akan mendapat siksaan yang pedih;

"...Kami selamatkan orang-orang yang melarang dari berbuat jahat dan kami timpakan siksaan yang keras ke atas orang-orang yang zalim disebabkan mereka selalu berbuat fasiq (durjana)".<sup>18</sup>

Sehubungan dengan itu, para pendakwah yang merupakan tulang belakang gerakan-gerakan Islam di tengah-tengah masyarakat tidak harus alpa untuk menjadi da'i yang komited dalam tugas-tugas seperti yang termaktub di dalam Al-Qur'an:

1. Tabligh.

Menyampaikan ajaran Allah kepada seluruh manusia (Al-Ahzaab:39)

2. Tabsyiir.

---

<sup>16</sup> Gaafar Sheikh Idris, *The Process of Islamization*, USA : The Muslim Students' Association of the United States and Canada, 1977, hal. 1.

<sup>17</sup> Surah al-Hajj, ayat 67.

<sup>18</sup> Surah al-A'raaf, ayat 165.

Memberi berita gembira kepada orang-orang beriman dan beramal soleh bahawa mereka akan memperoleh syurga dan keampunan Allah (Az-Zumar : 17)

3. Indzaar.

Menyampaikan berita yang menakutkan kepada orang kafir dan melakukan kejahatan bahawa mereka akan mendapat balasan neraka dan kemurkaan Allah SWT. (Al-Kahfi:56)

4. Nasiiyah.

Memberi nasihat atau pengajaran supaya seseorang kembali ke jalan Allah. (Al-A'raaf:79).

5. Amar Ma'ruf Nahi Munkar.

Menyeru pada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

6. Mau'idzah

Memberi pengajaran agar seseorang dapat ditarik ke dalam agama Allah. (An-Nahl : 125).

7. Tadzkirah atau Dzikra.

Memberi kesedaran atau peringatan supaya seseorang kembali kepada agama Allah. (Al-'Ala : 9 dan Al-Ghaasyiah : 81)

8. Wasiyyah.

Memberi wasiat atau pesanan ke arah kebenaran, taqwa dan kebaikan (Al-'Asr :3)<sup>19</sup>

Bagi melahirkan dai yang mampu melaksanakan amanah besar itu, mereka perlu ditarbiyah sehingga mempunyai sifat-sifat seperti berikut:-

---

<sup>19</sup> Abdullah Al-Qari B. Hj. Salleh, *Kelebihan Mengajak Manusia Ke Jalan Allah dan Bagaimana Menjayakan nya*, Kelantan : Pustaka Asa Kenali, 1983, hal. 25-27.

1. Ikhlas
2. Yakin akan risalah yang dibawa dan didakwahkan.
3. Mempunyai ilmu mengenai apa yang dibawa oleh Al-Qur'an dan as-Sunnah.
4. Beramal dengan apa yang diketahui dan memastikan dirinya sebagai contoh yang baik.
5. Lemah lembut dan tidak kasar.
6. Bersabar menghadapi dugaan.<sup>20</sup>

Satu perkara lagi yang perlu di beri perhatian dalam merealisasikan peranan dan aktiviti gerakan Islam terutama dalam menyongsong alaf baru ialah kenyataan bahawa mereka adalah sebahagian penyeru sedang yang memberi hidayah adalah Allah. Pendakwah tidak boleh menghukum atau memaksa seseorang penganut Islam melakukan sesuatu amalan kerana ini memerlukan petunjuk (*hidayah*) dan bimbingan (*taufiq* - gerak amalan kepada yang baik) yang dibukakan sendiri oleh Allah kepada sesiapapun yang dikehendakinya.<sup>21</sup>

Di samping peranan dan aktivitinya yang menyeluruh, kecemerlangan pergerakan Islam pada masa hadapan juga turut bergantung dengan kemantapan organisasinya.<sup>22</sup> Yusuf al-Qardhawi telah menggariskan 24 ciri untuk kecemerlangan umat dan pergerakan-pergerakan Islam :<sup>23</sup>

---

<sup>20</sup> Abdullah b. Ahmad Qaadiri, *Bagaimana Pelajar Islam Harus Dibimbang?* Kelantan : Pustaka Asa Kenali, 1988, hal. 26.

<sup>21</sup> Lihat Surah Al-Qasas : 56, Surah Al-Baqarah : 272 dan Surah Al-Maidah : 105.

<sup>22</sup> Keterangan lanjut bagi memahami dengan lebih mendalam aktiviti Pergerakan Islam, lihat Fathi Yakan, *Memahami Aktiviti Gerakan Islam*(terjemahan H. Abdul Rahman Ahmad), Kota Bharu : MN Communications, 1991.

<sup>23</sup> Sinopsis ceramah Dr. Yusuf al-Qardhawi di pejabat Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur. Salinannya ada dalam simpanan penulis.

1. Hendaklah ia merupakan satu pergerakan yang berusaha ke arah memperkuatkan perpaduan di kalangan umat Islam di samping menjaga dan mengawal perjuangan di antara mereka. Dari segi pemikiran, ia berperanan mengembangkan persefahaman. Dari segi kerohanian , ia berperanan untuk mendalamkan persaudaraan kerana Allah. Dari segi moral, dengan meneguhkan lagi sifat-sifat lapang dada, merendah diri, tidak berpura-pura, sedia meminta maaf, menghormati pandangan orang lain dan seumpamanya. Dari segi pentadbiran, ia bertanggungjawab untuk memupuk dengan penyatuhan organisasi dan pimpinan.
2. Menumpukan perhatian kepada perancangan masa depan daripada berbangga dengan keagungan masa lampau atau menangisi nasib malang.
3. Mengambil berat tentang pendidikan dan pembetulan peribadi selaras dengan perhatinnya ke arah penyebaran fikiran. Pergerakan hendaklah mengutamakan kualiti (mutu) dari kuantiti (jumlah bilangan), mengutamakan isi dari kulit. Bilangan yang sedikit, tetapi mempunyai kesedaran dan benar-benar beriman lebih baik dari bilangan yang banyak, tetapi seperti buih.
4. Hendaklah mempunyai pegangan bahawa usaha dan bekerja untuk Islam adalah satu kewajipan keagamaan dan ibadah, sama ada ia membawa kejayaan di dunia atau tidak. Apa yang dituntut ialah usaha dan berjuang, kejayaan dan kemenangan adalah di tangan Allah.
5. Melaksanakan perintah Allah, menyebarkan dakwah secara terang-terangan kepada orang-orang yang menentang dengan keras, cekal berpegang kepada aqidah Islam serta sabar menghadapi tribulasi perjuangan adalah sebesar-besarnya jihad kerana Allah.

6. Berusaha memenuhi kekosongan di kalangan anggota dengan sesuatu yang berguna bagi mereka dan juga organisasi. Kekosongan yang berpanjangan akan mematahkan semangat dan membawa rasa putus harapan.
7. Meletakkan setiap anggota di tempat yang sesuai dengan kebolehan dan pengalamannya supaya dapat memainkan peranan dengan baik. Setiap perjuangan pada jalan Allah, ada fungsi dan martabatnya.
8. Mengimbangi setiap aspek perjuangan, berhak sewajarnya tanpa berlebihan ataupun meringan-ringankan aspek-aspek tertentu.
9. Segala usaha dan tindakan harakah hendaklah diukur berdasarkan hukum-hukum Syara dan kepentingan cita-cita perjuangan, bukan semata-mata kerana memenuhi runtunan perasaan yang sementara atau kerana tunduk kepada sesuatu pihak.
10. Tidak terlalu keras atau '*rigid*'. Dalam menyelesaikan masalah, pilih yang paling mudah selagi tidak merupakan dosa.
11. Berusaha menjelaskan takrif perkataan-perkataan yang mengelirukan, supaya pengikut ataupun musuh tidak berpeluang memberi tafsiran mengikut kemauan mereka.
12. Bersikap simpati dan lemah lembut tetapi tegas untuk menarik mereka yang masih berkecuali atau ketika berdebat dengan musuh.
13. Menjauhkan timbulnya dualisme dalam pimpinan dan segala kerja. Segala aktiviti gerak kerja hendaklah berdasarkan satu perkumpulan , satu pimpinan yang sama bekerja dan sama-sama memikul tanggungjawab.
14. Bersangka baik kepada setiap orang Islam selagi ada jalan. Jangan menuduh dan menghukum, semata-mata kerana beberapa masalah yang masih

dipertikaikan. Bagi mereka yang jelas kekufurannya dan terang-terang mengakuinya, mereka hendaklah juga dianggap demikian.

15. Jangan tergesa-gesa untuk mencapai matlamat perjuangan. Perlu bersabar dan yakin kerana kedua-dua sifat ini merupakan dua kunci kepimpinan yang baik dalam perjuangan. Juga jangan sengaja mencari jalan menimbulkan perselisihan dengan pihak berkuasa supaya dapat dielakkan kesulitan-kesulitan yang tidak perlu. Jika perembungan dipaksakan ke atas pergerakan, maka hadapilah dengan sabar.
16. Jangan melampau dalam segala perkara. Terutama dalam membenci ataupun menyanjungi seseorang mahupun dalam memberi pujian ataupun melemparkan celaan.
17. Jangan fanatik kepada individu, tetapi berpegang kuat kepada prinsip dan dasar, kepada isi dan bukan kepada bentuk lahirnya dan kepada perjuangan dan bukan kepada kumpulan.
18. Hendaklah mengambil pengajaran daripada kesalahan yang lampau, daripada pengalaman pergerakan Islam semasa atau yang dahulu. Sebuah pergerakan hendaklah sanggup mengkritik dirinya, menyemak segala perancangannya atau kalau perlu memindanya. Kita tidak boleh hanya mengikut dan mengekalkan yang lama, menutup ijtihad kepada orang-orang yang berkemampuan untuk berfikir dan mencari pembaharuan kerana ini bererti kebekuan dan statis yang akan membawa kepada kehancuran.
19. Mengalu-alukan kritik yang membina dan jujur sekalipun daripada musuh kerana ini dapat memperbetulkan kesilapan atupun menampung segala kekurangan, membataskan keterlaluan dan boleh menghalang penyelewengan.

20. Trend harakah hendaklah positif dan membina berpandukan kepada prinsip dan syi'ar 'Kami membina bukan meruntuh; kami menyatupadukan bukan memecah belah, kami mengutuhkan bukan melemahkan'.
21. Menghilangkan perasaan dendam dan hasad dengki meskipun terhadap musuh dan melayan semua orang dengan semangat kasih sayang dan toleransi supaya masyarakat faham bahawa ahli pergerakan memikul tugas dan tanggungjawab dan bukan semata-mata ingin melepaskan geram.
22. Bersifat lapang dada dan bersimpati terhadap orang-orang yang berbeda pendapat, boleh bekerjasama dengan aktivis-aktivis Islam yang lain dan sentiasa mengukuhkan semangat kerjasama.
23. Jangan dibiarkan pergerakan menjadi lumpuh oleh pertarungan bersifat sementara, soal-soal sampingan atau pertikaian politik kepartian yang tidak berkesudahan. Segala usaha, masa dan tenaga hendaklah ditumpukan untuk menghadapi pertarungan hidup mati.
24. Setiap usaha hendaklah diberi penilaian dan setiap perjuangan hendaklah dihargai baik dari individu maupun daripada kumpulan. Antara sifat-sifat keimanan itu ialah menginsafi hak orang lain dan berlaku adil walaupun terhadap musuh.

Seperti yang telah disentuh, bahawa salah satu daripada kesan kelahiran dan perjuangan pergerakan-pergerakan Islam di Malaysia ialah negara ini turut dilanda oleh arus kebangkitan Islam yang begitu ketara pada pertengahan dasawarsa 80-an. Ini adalah peluang dan sekaligus menuntut tanggungjawab yang harus dipikul, terutamanya oleh pergerakan-pergerakan Islam. Umat Islam perlu disedarkan bahawa kebangkitan ini sebenarnya hanya bermakna kalau mereka mempunyai kualiti dan menjadi bangsa yang berwibawa.

Sejarah telah membuktikan bahawa rumpun Melayu di Nusantara asalnya berpegang dengan ajaran Hindu dan Animisme, tetapi mereka kemudian menjadi penganut Islam. Dalam hal ini, kita perlu berlapang dada menerima pandangan sesetengah kalangan yang mengambil iktibar dari hakikat sejarah dengan melihat ajaran Islam hanya akan berkesan dilaksanakan dan diterima apabila masyarakat Islam dihormati kerana pencapaian dan kedudukan sosio-ekonominya yang mantap.

UMNO sebagai tulang belakang Barisan Nasional yang menguasai negara ini sejak Malaysia merdeka, adalah antara pertubuhan yang kelihatan tidak mahu ketinggalan menyahut seruan untuk mengisi peluang yang terbuka dalam era kebangunan Islam ini. Perkara itu mudah difahami, kerana kelangsungan perjuangannya itu bergantung dengan sokongan umat Melayu yang semakin berminat dan melihat Islam sebagai 'penyelesa masalah'. Sehubungan dengan itu, Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia selalu memperingatkan orang Melayu tentang kegemilangan umat Islam di masa lampau yang dilihat sebagai faktor penarik minat ummah silam kepada Islam;

"In Malaysia, the reason why the Malays who believed in Hinduism or animism were attracted to Islam was due to the knowledge and efficiency of the Arabs and Indians who came to do trade in the Malay States. If these Arabs and Indians were passive and poor, even though they were good Muslims, the Malays would not be interested with them and Islam. Because of their good Islamic values and success, they were respected by the Malays and the Malays became interested in their religion, i.e. Islam".<sup>24</sup>

Dalam hal ini kesediaan pihak pemerintah untuk mengambil kira nilai-nilai Islam dalam proses pembangunan bangsa sepatutnya dilihat dengan pandangan positif.

---

<sup>24</sup> Nor Hashimah Mohd Yasin, *Islamisation/Malaynisation : A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia 1969 - 1993*, Kuala Lumpur A. S. Noordeen, 1996. Hal.233

Jamaah-jamaah Islam di negara ini perlu akur dan harus sanggup mengakui perkara baik walaupun ia dilakukan oleh pihak yang tidak sealiran dengan kita. Malah ini juga perlu dianggap sebagai peluang keemasan.

Di samping itu, pergerakan-pergerakan Islam tersebut juga sedar bahawa tugas dakwah kian mencabar kerana mereka berhadapan secara langsung dengan masyarakat *Jahiliyah moden*:

"Masyarakat jahiliyah moden ini bergerak dengan segala bentuk dan arahnya, dengan segala helah dan tipu muslihatnya. Masyarakat jahiliyah moden ini membahayakan, malah seperti peringatan Syekh Muhammad Abdurrahman, *asyaddu*, lebih berat dan berbahaya dari zaman Rasul. Aktiviti jahiliyah moden dewasa ini ditunjang oleh ilmu dan teknik, disalurkan melalui seni dan budaya, disulam dengan benang syrik dan nifak. Membuat mata silau dan terpesona, membangkitkan *ghairah hayawaniy* (instink kehaiwanan). Akibatnya mata hati (*bashirah*) menjadi buta, sehingga mudah digiring ibarat domba gembalaan. Jahiliyah moden suatu arus yang kencang melanda dan menggilas apa saja yang tidak mempunyai urat yang kuat dan asas yang kukuh".<sup>25</sup>

Masyarakat Islam kini, juga menghadapi fitnah besar yang akhirnya dapat menghancurkan mereka sendiri. Rasulullah SAW telah memperingatkan kita akan bahayanya 'bertuhankan' kebendaan;

"Sesungguhnya tiap-tiap umat ada fitnahnya dan fitnah untuk umatku adalah harta".<sup>26</sup>

Inilah antara tugas berat para da'i, petugas dakwah yang menjadi akar taunjang kepada gerakan-gerakan Islam. Mereka perlu tampil sebagai mujahid di medan da'wah, mengumandangkan risalah abadi dari Allah dan Rasul. Ada waktunya mereka menyeru

---

<sup>25</sup> Abul 'la al Maududi, *Petunjuk Untuk Juru Da'wah*, Jakarta Pusat : Penerbit Media Da'wah, 1982, hal. 5-6.

<sup>26</sup> Hadis riwayat Imam Ahmad, Thabarany, Al-Hakim dan Tirmizi dari Ka'ab bin Iyadh.

dalam bentuk *Amar Ma'ruf* dan *Nahi Munkar*, dan ada kalanya dalam bentuk *Targhib* dan *Tarhib* (Menggembirakan dan menyampaikan berita pahit).

Dalam masa yang sama, mengingati pertumbuhan ekonomi Malaysia yang semakin baik dalam dekad 80-an, dan perkembangan sosial yang semakin kompleks, maka pendekatan bagi mengisi, terutamanya era kebangkitan Islam juga ,memerlukan pendekatan yang lebih luas khususnya untuk menghadapi perkembangan pada masa hadapan. Persoalan kemasyarakatan sudah pasti tidak sesuai untuk ditanggapi dengan penyelesaian '*ad hoc*'. Apa yang diperlukan adalah kerangka pemikiran (*intellectual framework*) yang bersifat menyeluruh dan dinamis yang berpaksikan kepada konsep Islam yang landasnya Al-Qur'an dan Sunnah;

"Katakanlah: 'Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak (kamu) kepada jalan Allah dengan hujjah yang nyata. Maha suci Allah , dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik".<sup>27</sup>

Maksud ayat di atas ialah : Katakanlah wahai Rasul , inilah dakwah yang sedang aku jalankan, inilah jalan yang aku ingin bawakan kamu sekalian kepadanya, iaitu kepada mentauhidkan Allah dan ikhlas beribadah hanya kepada Nya, bukan kepada berhala dan bukan kepada selain Allah. Inilah sunnahku dan inilah perjalananku. Dan saya sungguh yakin dengan apa yang saya serukan dan dakwahkan ini, dan saya mempunyai hujjah dan bukti ke atas setiap apa yang saya katakan. Malahan ini bukan saja jalanku, tetapi juga ialah jalan orang-orang yang mengikuti ku dan beriman kepadaku.

---

<sup>27</sup> Surah Yusuf, ayat 108.

Tanpa kerangka pemikiran yang sistematis dan menyeluruh itu mungkin kebangkitan Islam ini tidak akan mampu membawa perubahan kuantitatif untuk umat Islam secara mendasar. Di samping itu setiap penganut Islam dituntut untuk sama-sama mengambil bahagian. Dengan *mujahadah* dan kesungguhan ini, insyaAllah kebangkitan Islam akan lebih bermakna,

"Dan Mereka yang bermujahadah untuk kami, maka pasti kami memberi petunjuk-petunjuk ke jalan kami. Dan sesungguhnya Allah pasti menyertai mereka yang mengusahakan kabaikan".<sup>28</sup>

Selaras dengan ketetapan Ilahi, bahawa umat Islam adalah '*ummatan wasatha'* (umat yang adil dan pilihan)<sup>29</sup>, maka ada beberapa tanggungjawab lain yang seharusnya diambil kira oleh pergerakan-pergerakan Islam di negara ini. Misalnya, memanfaatkan pengalaman dan *tajribah* (eksperimen) pelbagai gerakan Islam di dunia. Tujuannya untuk melahirkan '*al-fikru 'l-harakiyy*' yang asli bagi menangani permasalahan setempat.

Kita telah diperintahkan untuk menyelesaikan permasalahan dengan akhlak yang mulia.<sup>30</sup> Dalam hal ini apa yang perlu diutamakan adalah memperbaiki diri sendiri terlebih dahulu dan barulah kita seru orang lain (*Aslih Nafsaka wa ad 'u ghairaka*). Ini adalah selaras dengan keistimewaan Islam yang membezakannya dengan agama-agama lain di mana ia mewajibkan setiap individu muslim turut serta memperbaiki anggota masyarakatnya (*Masliya- fi al-fardi solaha al-mujtama*). Sehubungan dengan itu, Islam melarang kita bersikap melampau atau '*Ghuluw, Thanaththu*' dan *Tasyaddud*,

"Binasalah orang yang *thanaththu*".<sup>31</sup>

<sup>28</sup> Surah As-Syu'ara, ayat 69.

<sup>29</sup> Lihat Surah Al-Baqarah, ayat 143.

<sup>30</sup> Surah Ali 'Imran, ayat 159.

<sup>31</sup> Hadis sahih dari Abdullah Ibnu Mas'ud RA, riwayat Imam Muslim.

"Jauhilah oleh kaum *ghuluw* dalam beragama kerana biasanya orang-orang sebelum kamu (Ahlul Kitab) disebabkan sikap *ghuluw* mereka dalam beragama".<sup>32</sup>

"Sesungguhnya Islam itu mudah, dan tidaklah sama sekali orang yang *tasayaddud* dalam beragama melainkan pasti agama itu mengalahkannya...."<sup>33</sup>

Dengan berbekalkan keilmuan dari segi kemampuan berfikir (*thinking capacity*), sikap kritis, *thiqah bi'n -nafs* (Kepercayaan pada diri sendiri)<sup>34</sup> dan *wasatiyatul Islam* (kesederhanaan), kita yakin gerakan-gerakan Islam di Malaysia akan menyumbang hasrat untuk mewujudkan masyarakat Madani (*civil society*). Lebih penting lagi, bahawa sumbangan tersebut akan menghindarkan kita semua dari bala' Allah yang bersifat umum iaitu termasuk untuk mereka yang tidak melakukan maksiat.<sup>35</sup>

"Sesungguhnya manusia jika mereka melihat orang lain melakukan kezaliman, lalu mereka tidak menghalangnya, maka Allah akan menurunkan siksaan Nya ke atas mereka semua".<sup>36</sup>

Dalam konteks Malaysia, satu kenyataan yang ketara sepanjang tahun 1975-1985 ialah wujudnya gejala perpecahan bangsa Melayu (Islam), yang antara lain dicetuskan oleh perbezaan cara dan pendekatan oleh pergerakan-pergerakan Islam dan kumpulan atau gerakan dakwah lainnya. Ini adalah fenomena besar, terutama kalau dipandang dari sudut '*survival*' politik umat Islam yang sememangnya telah berpecah kerana perbedaan ideologi. Dengan bilangan umat Islam yang hanya sedikit mengatasi

<sup>32</sup> Hadis sahih riwayat Ibnu Majah

<sup>33</sup> Hadis sahih riwayat Imam Bukhari

<sup>34</sup> Siddiq Fadhil, "Menggembeling Tenaga Ke Atah Peningkatan Prestasi 'Amal Islami," Ucapan Dasar, Muktamar Sanawi ABIM ke 14, Bangi : UKM, 6-8 Disember 1985, hal. 7

<sup>35</sup> Al-Qur'an, surah Al-Anfaal, ayat 25.

<sup>36</sup> Hadis Hasan riwayat Abu Daud, Tirmizi dan Nasaa'i.

jumlah penduduk non-muslim, maka perpecahan yang berlarutan hanya akan merosakkan masa depan mereka;<sup>37</sup>

"Ambillah oleh kamu daripadaku apa yang aku tinggalkan untuk kamu, sesungguhnya sebab kemusnahan umat sebelum kamu adalah perselisihan mereka terhadap apa yang di bawa oleh Nabi- Nabi mereka. Oleh sebab itu jika aku menyuruh kamu dengan sesuatu maka buatlah daripadanya apa yang kamu termampu, dan jika aku melarang kamu dari sesuatu maka jauhilah dia".<sup>38</sup>

"Perbedaan (pendapat) dikalangan umatku adalah rahmat".<sup>39</sup>

Salah satu langkah yang penting bagi mengurangkan gejala yang tidak sihat ini ialah para pendukung pergerakan Islam harus berlapang dada dengan cara atau pendekatan dakwah, kerana sikap membesar-besarkan perbezaan itu, tidak akan menguntungkan sesiapapun yang mencintai Islam. Sebaliknya , wajarlah dicari ciri-ciri persamaan yang ada ke arah keberkesanan gerakan dakwah itu sendiri. Kecemerlangan pergerakan Islam di negara ini turut bergantung dengan komitmen, kerjasama dan perpaduan di kalangan mereka. Jadi masih belum terlambat untuk menjalin kerjasama di bawah satu '*platform*' musyawarah demi keberkesanan penyampaian risalah Islamiyyah serta meminimumkan ciri-ciri perbezaan yang wujud. Para penyokong PAS, PKPIM, ABIM, bekas al-Arqam, dan Jamaat Tabligh harus sanggup berganding bahu meningkatkan syiar Islam dan yakin perjuangan mereka adalah benar. Seperti yang dikatakan oleh Asy-Syahid Qutb dengan penuh optimis bahawa '*Al-Mustaqbali Hadza 'd-Din*' (Hari esok adalah kepunyaan Islam), Insya Allah.

---

<sup>37</sup> Kajian yang agak terperinci mengenai perpecahan ini sila lihat Abdul Razak Ayub,*Perpecahan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, 1985.

<sup>38</sup> Hadis riwayat Imam Muslim, Ahmad, Ibnu Majah, An Nasaa'i

<sup>39</sup> Hadis riwayat Al-Baihaqy